

Harian Metro : 16 Oktober 2015

**Penulis ialah Dr. Muhammad Arif B. Mohd Hashim, Yang Dipertua
Gabungan Profesional dan Usahawan Bumiputera Anak Selangor (GIBS)**

MUSUH GERUNI PERPADUAN JITU

□Umat Islam perlu kembali kepada saranan al-Quran, Rasulullah

Perpaduan ummah dalam kalangan orang Islam merupakan keperluan utama, sejagat dan kunci kepada pembentukan jati diri dan kestabilan masyarakat yang berteraskan kesucian Islam.

Ia perlu dijadikan agenda utama dalam menyemarakkan semangat keharmonian dalam kalangan ummah.

Tregedi yang berlaku diseluruh dunia yang melibatkan negara Islam ketika ini wajar dijadikan pedoman supaya tiada pihak dengan mudah memperkotak-katikan agama dan orang Islam.

Di negara ini, bangsa Melayu adalah tonggak yang mempertahankan Islam dan mereka wajar selalu diberikan peringatan.

Mereka tidak boleh leka terutamanya dengan cubaan oleh individu ataupun pihak tertentu yang cuba memecah-belah perpaduan.

Perpaduan ummah sangat besar nilainya. Malah perpaduan ummah yang jitu mempunyai banyak hikmah dan ia 'jambatan emas' yang menuju ke arah pencapaian keamanan dan keharmonian masyarakat.

Ia juga akan terus membantu kepada penyampaian perkhidmatan secara holistik serta meneruskan kesinambungan kepada peranan dan sumbangan besar para profesional dan usahawan di negara ini.

Kita wajar mencontohi misi utama dakwah yang diperjuangkan oleh Rasulullah SAW untuk perpaduan ummah.

Kejayaan Rasulullah SAW mempersaudarakan golongan Muhajirin dan Ansar di Madinah adalah satu peristiwa yang paling bersejarah dalam perkembangan tamadun Islam.

Golongan profesional dan usahawan juga turut berkembang dengan pesat pada zaman itu. Kita mesti segera kembali kepada ajaran dan mengikuti segala saranan junjungan besar kita, Nabi Muhammad SAW bagi mengelakkan kehancuran umat Islam.

Apa juga faktor yang diutarakan oleh para penganalisis, kita sebagai umat Islam perlu sedar bahawa punca utama kepada perpecahan ketika ini disebabkan tidak berpegang dan meninggalkan ajaran al-Quran, sunnah dan nasihat ulama.

Sesetengah orang didorong untuk mengikut hawa nafsu individu atau kelompok tertentu yang mempunyai agenda untuk meruntuhkan perpaduan.

Pembangunan ummah bermula daripada pembangunan pendidikan bersama keluarga dan masyarakat yang seterusnya bertanggungjawab membangunkan sahsiah, keluarga, kejiranan, masyarakat, negara, ekonomi, kebudayaan, sains, teknologi.

Perpaduan yang jitu akan menggerunkan musuh dan pengkhianat Islam, disamping dapat mengukuh dan memudahkan para profesional dan usahawan untuk membangunkan negara.

Sejarah negara sudah membuktikan bahawa apabila umat bersatu dan kuat, pihak profesional dan usahawan Islam juga berkembang pesat.

Golongan yang tidak mahu melihat umat Islam bersatu dan kuat sebenarnya sudah terhakis semangat Islamnya.

Mereka bimbang tidak dapat lagi mengambil kesempatan secara tidak adil dan zalim daripada usahawan dan pembuat keputusan dasar yang telah diberi kuasa dalam kalangan Muslim sekiranya ummah berpegang kuat kepada ajaran Islam dan bersatu.

Perpaduan ummah amat ditekankan dalam Islam kerana dengan semangat ini kita akan lebih dihormati dan tidak mudah diperkotak-katikkan sehingga bergaduh sesama sendiri.

Ia bersesuaian dengan cita-cita setiap manusia untuk hidup dalam keadaan selamat dan sejahtera selama-lamanya.

Tuhan berfirman, maksudnya: 'Wahai umat manusia! Sesungguhnya Kami telah menciptakan kamu daripada lelaki dan perempuan dan Kami telah menjadikan kamu berbagai-bagai bangsa dan bersuku puak supaya kamu berkenal-kenakan (dan beramah mesra antara satu sama lain)'. (Surah Al-Hujarat: Ayat 13).

